

Gong, Nana Tanjung di UiTM



GONG...ditayangkan kepada pelajar UiTM pada 16 Ogos sebelum ditayangkan kepada umum pada 24 Ogos ini.

METRO 1578/06 (msf)

Tayangan promosi mulai hari ini

>>Oleh Hartati Hassan Basri

hartati@hmetro.com.my

KARYAWAN filem tanah air cukup beruntung kerana pelbagai pihak membantu memperkenalkan karya mereka menerusi pelbagai program sama ada diskusi filem atau tayangan amal.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Seni Layar) dan Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Penulisan Seni Layar) semester 05 Fakulti Seni Persembahan yang kini dikenali sebagai Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik, Universiti Teknologi Mara (UiTM), menganjurkan Malam Tayangan Promosi Filem selama dua hari mulai hari ini, jam 8 malam.

Dua filem yang ditayangkan kepada umum tidak lama lagi, dipilih untuk dipertontonkan kepada pelajar UiTM sebagai promosi awal dan untuk diuar-uarkan kepada masyarakat luar kampus. Harga tiket RM10.

Ia dimulakan dengan tayangan filem Nana Tanjung terbitan LineClear Motion Picture Sdn Bhd pada 15 Ogos diikuti filem Grand Brilliance Sdn Bhd, Gong pada 16 Ogos. Tayangan diadakan di Dewan Seri Budiman, UiTM, Shah Alam, Selangor.

Nana Tanjung arahan Prof Madya A Razak Mohaideen dibarisi pelakon Fasha Sandha, Jehan Miskin, Saiful Apek, Piee, Maideen dan Waheeda manakala Gong dijayakan oleh Fasha, Jehan, Elyana, Sharifah Sofia dan Faizal Yusup.

Penasihat Projek, Ayu Haswida Abu Bakar berkata, objektif utama projek ini antara lain menyokong industri filem tempatan melalui promosi filem baru yang akan ditayangkan kepada umum.

Katanya, pihaknya juga cuba memberi penekanan masyarakat mendekati filem dan seterusnya menjadikan filem sebagai hiburan dan alat pembelajaran yang lebih praktikal.

"Malam promosi ini juga menjadikan semua masyarakat sebagai sahabat filem dan ia

menjadi jambatan yang menghubungkan penonton dan filem dengan lebih dekat lagi.

"Secara umum fakulti ini merangkumi dua jabatan yang menjadi tunggak utama dalam menjana aktiviti akademik di UiTM iaitu Jabatan Skrin dan Jabatan Teater. Kedua-dua jabatan ini dikelolakan oleh Prof Madya Dr Hatta Azad Khan.

"Fakulti ini sentiasa memberi penekanan dalam teknik pembelajaran teori dan praktikal agar kedua-duanya seiring membentuk satu sistem akademik yang menyeluruh. Keseimbangan teori dan praktikal ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia pekerjaan sebenar dan mampu berfikir secara kreatif dan inovatif.

"Dalam pengajian subjek Black Box dan Skrin, kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan menyediakan pelajar kepada kaedah pengembangan pengetahuan dan kemahiran semua pengkhususan yang terlibat dalam semua produksi.

"Projek yang dijalankan ini dapat dijadikan sebahagian dari tujuan menganalisis khalayak serta mencari kehendak dalam membentuk filem seperti yang dikehendaki khalayak filem," katanya.

“

Malam promosi ini menjadikan masyarakat sebagai sahabat filem dan ia menjadi jambatan yang menghubungkan penonton dan filem dengan lebih dekat lagi”

Ayu Haswida Abu Bakar
Penasihat Projek